

NO. SOALAN : 53

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]

SOALAN : 53

YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan kes saman Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri Kelantan berkenaan isu tanah Orang Asli di Gua Musang.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

1. Jabatan Peguam Negara telah memfailkan Writ Saman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan berserta agensi berkaitan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga lima (5) syarikat persendirian yang telah diberikan lesen dan/atau kebenaran oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas tanah yang dituntut di Pos Simpor, Gua Musang bagi mendapatkan keuntungan.
2. Sementara menunggu keputusan mahkamah, untuk melindungi hak Orang Asli Temiar di Gua Musang, Jabatan Peguam Negara telah memfailkan Notis Permohonan untuk Injunksi Interim terhadap kelima-lima syarikat tersebut bagi menghalang kesemua syarikat itu atau mana-mana ejen mereka, syarikat subsidiari atau kontraktor atau selainnya daripada memasuki tanah yang dituntut dan menjalankan aktiviti pembalakan atau apa-apa aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas tanah bagi mendapatkan keuntungan.
3. Setakat hari ini, empat daripada syarikat yang telah disaman telah memfailkan Pembelaan dan Afidavit Jawapan masing-masing. Manakala, Jabatan Peguam Negara telah pun juga memfailkan Jawapan terhadap Pembelaan keempat-empat syarikat tersebut

berserta Afidavit Balasan berhubung dengan Notis Permohonan untuk Injunksi Interim.

4. Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri Kelantan dan agensi di bawah seliaannya telah memfailkan Notis Permohonan bagi membatalkan Writ Saman yang telah difailkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Peguam Negara dalam tindakan untuk memfailkan Afidavit Jawapan terhadap Notis Permohonan tersebut.
5. Mahkamah Tinggi Kota Baharu semasa pengurusan kes pada 27 Mac 2019 telah menetapkan 3 Jun 2019 bagi pendengaran Notis Permohonan untuk Injunksi Interim dan Notis Permohonan bagi membatalkan Writ Saman yang difailkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.